

## **CONTEST TERMS & CONDITIONS**

### **The Organiser & Contest Period**

1. The F&N PROSPER FOR GOLD (“Contest”) is open to all residents of Malaysia aged 18 and above as of **15/12/2016** except employees and immediate family members of F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd. (“Organiser”), the Organiser’s affiliates, subsidiaries, advertising/PR agencies and suppliers.
2. The Contest starts from **15/12/2016 and ends on 08/02/2017** (“Contest Period”). The Organiser reserves the right to change, cancel, terminate or suspend the Contest at any time during the Contest Period without prior notice.
3. For the avoidance of doubt, cancellation, termination or suspension by the Organiser shall not entitle the participants to any claim or compensation against the Organiser for any loss or damage suffered or costs and expenses incurred by the participant either directly and/or indirectly arising from or in connection with the cancellation, termination or suspension of the Contest by the Organiser.

### **Qualifying Criteria & Submission of Entry**

4. Every purchase of 100PLUS ORIGINAL [500ml & 1.5L], any variants of F&N, SEASONS Tea [500ml & 1.5L] and/or any variants of OISHI [380ml & 1.5L] will entitle you to enter the Contest.
5. Each entry form submitted must be complete with the required details, correct answers of 2 (two) statements shown in the entry form and must be accompanied with the required POP.
6. Each Participant is entitled/eligible to submit more than 1 (one) entry form. There can be more than 1 POP to every entry. Envelopes can contain multiple entries. Photocopy of entry forms are permitted/accepted.
7. Only completed entry forms sent to the designated address below will be accepted.

**F&N PROSPER FOR GOLD**  
**c/o: OMNITEAM SDN BHD**  
**PETI SURAT 8861, PEJABAT POS KELANA JAYA**  
**46899 PETALING JAYA**

8. Entry forms must be sent at the Participant’s own risk and expense. Entry forms received after **08/02/2017, 23.59pm** will not be entertained. The completed entry form together with the POP must be inserted in an envelope and posted by ordinary mail to the PO Box address stated. The Organiser will not be responsible for any non-receipt of postal deliveries due to insufficient postage or incorrect address. Entries received via dispatch, courier service, POS Laju and/or any other means of delivery will be automatically disqualified. Proof of postage of an entry form shall not constitute proof of receipt by the Organiser. All entry forms inclusive of POP submitted becomes the property of the Organiser and will not be returned.
9. All entry forms submitted are subject to the Organiser’s procedure and verification. The Organiser reserves the absolute right to automatically disqualify entry forms which are incomplete, illegible or disfigured, late entries (i.e: entry forms received after **08/02/2017, 23.59pm**) or entry forms without the required POP.
10. The Organiser in its absolute discretion reserves the right to reject, disqualify, or forfeit any entries without the need to provide any prior notice to any party. The Organiser reserves the right to forfeit their participation in the event that the participant(s) do not comply with the Contest Terms & Conditions.
11. All qualified entry forms received by the Organiser during the Contest Period will be assigned serial numbers as per shown on the POP Table.

### **Weekly Prizes**

12. There are 10 (ten) Weekly Prizes for 8 (eight) consecutive weeks. There are a total of 80 (eighty) Weekly Prizes of a 10g Golden Egg Pendant worth RM2500 each to be won throughout the Contest Period.
13. The 8 (eight) consecutive weekly periods are as follows:
  - **Week 1: 15/12 – 21/12/2016**
  - **Week 2: 22/12 – 28/12/2016**
  - **Week 3: 29/12 – 04/01/2017**
  - **Week 4: 05/01 – 11/01/2017**
  - **Week 5: 12/01 – 18/01/2017**
  - **Week 6: 19/01 – 25/01/2017**
  - **Week 7: 26/01 – 01/02/2017**
  - **Week 8: 02/02 – 08/02/2017**

14. The serial numbers allocated to each week's Qualified Entries will be tabulated to derive the total serial number which will then be divided by 10 (ten) to derive the winning serial number for each week's Weekly Prize. In the event of numbers with decimal values, the winning serial numbers will be rounded down to the nearest whole number that results after the division.  
For example: If the week's Qualified Entries serial numbers total up to 889, 889 will be divided by 10 which equals 88.9 which will be rounded down to 88. The multiplier number in this case is 88. 10 (ten) Participants of the week assigned with multiples of 88 i.e. 88, 176, 264, 352, 440 and so forth will be the Winners of the week's Weekly Prizes.
15. Each participant can only win a maximum of 2 (two) Weekly Prizes throughout the Contest Period.
16. All prizes must be claimed from the Organiser within 1 (one) month from the date the Weekly Prizes are available for collection. All unclaimed prizes will be forfeited.

### **Special Prizes**

17. There are 1000 (one thousand) Special Prizes of a Gold Plated Golden Egg worth RM500 each to be won throughout the Contest Period.
18. The serial numbers allocated to all Qualified Entries received throughout the Contest Period will be tabulated to derive the total serial number which will then be divided by 1000 (one thousand) to derive the winning serial numbers for the Special Prizes. In the event of numbers with decimal values, the winning serial numbers will be rounded down to the nearest whole number that results after the division.  
For example: If the total Qualified Entries serial numbers total up to 18889, 18889 will be divided by 1000 which equals 18.8 which will be rounded down to 18. The multiplier number in this case is 18. 1000 (one thousand) Participants assigned with multiples of 18 i.e. 18, 36, 54, 72 and so forth will be the Winners of the Special Prizes.
19. Each Participant can only win 1 (one) Special Prize throughout the Contest Period.
20. All prizes must be claimed from the Organiser within 1 (one) month from the date the Special Prizes are available for collection. All unclaimed prizes will be forfeited.

### **Grand Prizes**

21. There are 10 (ten) Grand Prizes of a 100g Golden Egg worth RM25000 each to be won throughout the Contest Period.
22. The serial numbers allocated to all Qualified Entries received throughout the Contest Period will be tabulated to derive the total serial number which will then be divided by 10 (ten) to derive the winning serial numbers for the Grand Prizes. In the event of numbers with decimal values, the winning serial numbers will be rounded down to the nearest whole number that results after the division.  
For example: If the total Qualified Entries serial numbers total up to 18889, 18889 will be divided by 10 which equals 1888.9 which will be rounded down to 1888. The multiplier number in this case is 1888. 10 (ten) Participants assigned with multiples of 1888 i.e. 1888, 3776, 5664, 7552 and so forth will be the Winners of the Grand Prizes.
23. Each Participant can only win 1 (one) Grand Prize throughout the Contest Period.
24. All prizes must be claimed from the Organiser within 1 (one) month from the date the Grand Prizes are available for collection. All unclaimed prizes will be forfeited.

### **Liability & Responsibility**

25. All Winners must abide by the terms & conditions of the party(ies) arranging and/or providing for the prizes. The Organiser reserves the right to forfeit their Prizes in the event that the Winner(s) do not comply with the Contest Terms & Conditions and Prizes Terms & Conditions.
26. The Winners Result Ads will be featured on the website [www.100plus.com.my](http://www.100plus.com.my) or [www.fnbm.com.my](http://www.fnbm.com.my).
27. The picture of the prizes shown on the Contest materials is for illustration purposes only. Actual prizes may vary. The prizes are non-transferable and will be subjected to the Prizes Terms & Conditions that will be attached to the prizes and stated in the winner acknowledgement letters. Prizes values are correct at the time of printing.
28. Winners and/or their heirs shall assume full liability and responsibility in case of any liability, mishap, injury, damage, claim or accidents (including death) resulting from their participation in the Contest, redemption and/or utilisation of the prizes and agree to release and hold the Organiser free and harmless of any liability.

29. All transportation, accommodation, personal costs and/or any other costs, fees and/or related expenses that are incurred to participate in the Contest and to redeem the prize is the sole responsibility of the winners.

#### **Notice Under The Personal Data Protection Act 2010**

30. This written notice (“Notice”) serves to inform you that your personal data is being processed by or on behalf of F&N Beverages Marketing Sdn Bhd (“F&N” or “we” or “us”). Further, by submitting this Contest form, you hereby consent to the processing of your personal data by F&N in the manner as specified in this Notice. We shall be processing the personal data that you have provided us with such as your name, national identity card number, contact number, address and any other information that we have requested from you in this Contest form. F&N will be processing your personal data, including any additional information you may subsequently provide F&N, for the purposes of conducting this contest and contacting you (if necessary).
31. The personal data that you provide us may be disclosed to our service providers only for the aforementioned purposes. You are responsible for ensuring that the personal data you provide us is accurate, complete and not misleading and that such personal data is kept up to date. You may access and request for correction of your personal data and/or to limit the processing of your personal data, or make any enquiries or complaints in respect of your personal data, by emailing our service provider at [pdpa@omniteam.com.my](mailto:pdpa@omniteam.com.my). In the event of any inconsistencies between the English version and the Bahasa Malaysia version of this Notice, the English version shall prevail over the Bahasa Malaysia version.

#### **Rights of the Organiser**

32. The Organiser reserves the right to cancel, terminate and/or suspend the prizes, without the need to provide any prior notice. The Organiser shall reserve the right at its absolute discretion to substitute any of the prizes with that of similar value, at any time without prior notice. All prizes are redeemed on an “as is” basis and are not exchangeable for credit, other items or voucher in part or in full.
33. The Organiser’s decision on all matters relating to the Contest is final, conclusive, and binding. No correspondence will be entertained.
34. Participation in the Contest and acceptance of any prize(s) constitutes an irrevocable permission (unless otherwise notified by the participants) for the Organiser to use the participants' names and photographs for purposes of publicity and advertisement without any compensation or need for prior notification to the participants.
35. The Organiser shall not be liable in the event the prize(s) are lost, spoilt, damaged or stolen during or after collection of the prize(s). All participants unconditionally agree to assume full liability and responsibility to the extent permitted by law in the event of any loss, mishap, injury, damage, claim, or accidents (including death) suffered as a result arising from their participation in this Contest, redemption and or use of the prize(s).
36. The Organiser will not be held responsible for whatsoever printing errors appearing on the POP distributed in the market.
37. By participating in the Contest, participants are taken to have read, understood and agreed to be bound by these Contest Terms & Conditions, and accept that all decisions by the Organiser are final and binding. The Organiser reserves the right to change, amend, add or delete any of the Contest Terms & Conditions at any time without prior notice to the participants and the participants agree to be bound by such changes.
38. The Contest Terms & Conditions are prepared in several languages. In the event of inconsistencies between all available versions, the English version of the Contest Terms & Conditions on the website [www.100plus.com.my](http://www.100plus.com.my) or [www.fnbm.com.my](http://www.fnbm.com.my) shall prevail.
39. For further inquiries about the Contest, please contact the Hotline at 03-7880 7803 (10am-1pm, 2pm-5pm Monday-Friday, excluding public holidays) or visit website [www.100plus.com.my](http://www.100plus.com.my) or [www.fnbm.com.my](http://www.fnbm.com.my) .

## **TERMA & SYARAT PERADUAN**

### **Penganjur & Tempoh Peraduan**

1. PERADUAN F&N PROSPER FOR GOLD (“Peraduan”) dibuka kepada semua rakyat Malaysia berusia 18 tahun dan ke atas pada **15/12/2016** kecuali kakitangan F&N Beverages Marketing Sdn. Bhd. (“Penganjur”), syarikat gabungan, anak syarikat, agensi pengiklanan/Perhubungan Awam dan pembekal Penganjur, serta anggota keluarga terdekat masing-masing.
2. Peraduan bermula dari **15/12/2016** dan berakhir pada **08/02/2017** (“Tempoh Peraduan”). Penganjur berhak untuk menukar, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan pada bila-bila masa dalam Tempoh Peraduan tanpa memberikan notis terlebih dahulu.
3. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang pembatalan, penamatan atau penggantungan oleh Penganjur tidak memberi hak kepada peserta untuk membuat sebarang tuntutan atau menerima pampasan daripada Penganjur bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami atau kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh peserta sama ada secara langsung dan/atau tidak langsung yang timbul daripada atau berhubung dengan pembatalan, penamatan atau penggantungan Peraduan oleh Penganjur.

### **Penghantaran Borang Penyertaan & Kriteria Kelayakan**

4. Setiap pembelian minuman 100PLUS ORIGINAL, F&N, SEASONS Tea [500ml dan 1.5L] atau OISHI [380ml dan 1.5L] akan melayakkan anda untuk menyertai Peraduan, Sila rujuk Jadual Bukti Pembelian (“Jadual POP”) yang ditunjukkan pada boring penyertaan untuk butir-butir penyertaan.
5. Setiap borang penyertaan yang dikemukakan mesti lengkap dengan butir-butir yang dikehendaki, jawapan betul bagi 2 (dua) kenyataan yang ditunjukkan dalam borang penyertaan dan mesti disertakan dengan POP yang dikehendaki.
6. Setiap Peserta layak untuk menghantar lebih daripada 1 (satu) penyertaan. Setiap penyertaan boleh dikemukakan dengan lebih daripada 1 (satu) POP. Sampul surat boleh mengandungi berbilang penyertaan. Salinan fotostat borang penyertaan dibenarkan/diterima.
7. Hanya borang penyertaan lengkap yang dihantar ke alamat ditetapkan di bawah akan diterima.

**F&N PROSPER FOR GOLD**

**d/a: OMNITEAM SDN BHD**

**PETI SURAT 8861, PEJABAT POS KELANA JAYA**

**46899 PETALING JAYA**

8. Borang penyertaan mesti dihantar atas risiko dan perbelanjaan Peserta sendiri. Borang penyertaan yang diterima selepas **08/02/2017, 23.59 malam** tidak akan dilayan. Borang penyertaan yang lengkap bersama POP mesti dimasukkan ke dalam sampul surat dan dihantar melalui kiriman pos biasa ke alamat Peti Surat yang dinyatakan. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kiriman pos yang tidak diterima disebabkan setem pos tidak mencukupi atau alamat tidak betul. Penyertaan yang diterima melalui penghantar surat, perkhidmatan kurier, POS Laju dan/atau sebarang cara penghantaran lain akan dibatalkan secara automatik. Bukti pos borang penyertaan tidak boleh dianggap sebagai bukti penerimaan oleh Penganjur. Semua borang penyertaan termasuk POP yang dikemukakan menjadi hak milik Penganjur dan tidak akan dikembalikan.
9. Semua borang penyertaan yang dihantar tertakluk kepada prosedur dan pengesahan Penganjur. Penganjur berhak sepenuhnya untuk membatalkan secara automatik borang penyertaan yang tidak lengkap, tidak boleh dibaca atau rosak, borang penyertaan yang lewat diterima (iaitu borang penyertaan yang diterima selepas **08/02/2017, 23.59 malam**) atau borang penyertaan tanpa POP yang dikehendaki.
10. Penganjur, atas budi bicara mutlaknyanya, berhak untuk menolak, membatalkan atau menyingkirkan penyertaan tanpa perlu memberikan sebarang notis kepada mana-mana pihak.

Penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan mereka sekiranya peserta tidak mematuhi Terma & Syarat Peraduan.

11. Semua borang penyertaan layak yang diterima oleh Penganjur sepanjang Tempoh Peraduan akan diberi nombor bersiri seperti yang ditunjukkan dalam Jadual POP.

### **Hadiah & Pemenang**

12. Terdapat 10 (sepuluh) Hadiah Mingguan untuk 8 (lapan) minggu berturut-turut. Terdapat sejumlah 80 (lapan puluh) Hadiah Mingguan berupa Locket Telur Emas 10g bernilai RM2500 setiap satu untuk dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan.
13. Berikut adalah 8 (lapan) tempoh mingguan berturut-turut:
  - *Minggu 1: 15/12 – 21/12/2016*
  - *Minggu 2: 22/12 – 28/12/2016*
  - *Minggu 3: 29/12 – 04/01/2017*
  - *Minggu 4: 05/01 – 11/01/2017*
  - *Minggu 5: 12/01 – 04/02/2017*
  - *Minggu 6: 19/01 – 25/01/2017*
  - *Minggu 7: 26/01 – 01/02/2017*
  - *Minggu 8: 02/02 – 08/02/2017*
14. Nombor bersiri yang diperuntukkan bagi Penyertaan Layak setiap minggu akan disusun kira untuk memperoleh jumlah besar yang kemudian akan dibahagikan dengan sepuluh (10) untuk mendapatkan nombor bersiri kemenangan bagi Hadiah Mingguan setiap minggu. Jika nombor mempunyai nilai perpuluhan, nombor bersiri kemenangan akan dibundarkan ke bawah kepada nombor bulat paling dekat, lebih rendah yang dihasilkan daripada pembahagian tersebut. Sebagai contoh: Jika jumlah nombor bersiri Penyertaan Layak bagi minggu tersebut ialah 889, maka 889 akan dibahagikan dengan 10, yang bersamaan dengan 88.9, dan seterusnya akan dibundarkan ke bawah kepada 88. Nombor pengganda dalam kes ini ialah 88. Seramai sepuluh (10) Peserta bagi minggu tersebut yang ditetapkan nombor bersiri dengan gandaan 88 iaitu 88, 176, 264, 354, 440 dan seterusnya akan menjadi Pemenang Hadiah Mingguan bagi minggu tersebut.
15. Setiap peserta hanya boleh memenangi maksimum 2 (dua) Hadiah Mingguan sepanjang Tempoh Peraduan.
16. Semua hadiah mesti dituntut daripada Penganjur dalam masa 1 (satu) bulan dari tarikh Hadiah Mingguan disediakan untuk kutipan. Semua hadiah yang tidak dituntut akan ditarik balik.

### **Hadiah Istimewa**

17. Terdapat 1000 (satu ribu) Hadiah Istimewa berupa Telur bersalut Emas bernilai RM500 setiap satu untuk dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan.
18. Nombor bersiri yang diperuntukkan bagi Penyertaan Layak sepanjang Tempoh Peraduan akan disusun kira untuk memperoleh jumlah besar yang kemudian akan dibahagikan dengan seribu (1000) untuk mendapatkan nombor bersiri kemenangan bagi Hadiah Istimewa. Jika nombor mempunyai nilai perpuluhan, nombor bersiri kemenangan akan dibundarkan ke bawah kepada nombor bulat paling dekat, lebih rendah yang dihasilkan daripada pembahagian tersebut. Sebagai contoh: Jika jumlah nombor bersiri Penyertaan Layak ialah 18889, maka 18889 akan dibahagikan dengan 1000, yang bersamaan dengan 18.8, dan seterusnya akan dibundarkan ke bawah kepada 18. Nombor pengganda dalam kes ini ialah 18. Peserta yang ditetapkan nombor bersiri dengan gandaan 18 iaitu 18, 36, 54, 72 dan seterusnya akan menjadi Pemenang Hadiah Istimewa.
19. Setiap peserta hanya boleh memenangi 1 (satu) Hadiah Istimewa sepanjang Tempoh Peraduan.
20. Semua hadiah mesti dituntut daripada Penganjur dalam masa 1 (satu) bulan dari tarikh Hadiah Istimewa disediakan untuk kutipan. Semua hadiah yang tidak dituntut akan ditarik balik.

### **Hadiah Utama**

21. Terdapat 10 (sepuluh) Hadiah Utama berupa Telur **Emas** 100g bernilai RM25000 setiap satu untuk dimenangi sepanjang Tempoh Peraduan.

22. Nombor bersiri yang diperuntukkan bagi Penyertaan Layak sepanjang Tempoh Peraduan akan disusun kira untuk memperoleh jumlah besar yang kemudian akan dibahagikan dengan sepuluh (10) untuk mendapatkan nombor bersiri kemenangan bagi Hadiah Utama. Jika nombor mempunyai nilai perpuluhan, nombor bersiri kemenangan akan dibundarkan ke bawah kepada nombor bulat paling dekat, lebih rendah yang dihasilkan daripada pembahagian tersebut.
- Sebagai contoh: Jika jumlah nombor bersiri Penyertaan Layak ialah 1888.9, maka 18889 akan dibahagikan dengan 10, yang bersamaan dengan 18.8, dan seterusnya akan dibundarkan ke bawah kepada 1888. Nombor pengganda dalam kes ini ialah 1888. Peserta yang ditetapkan nombor bersiri dengan gandaan 1888 iaitu 1888, 3776, 5664, 7552 dan seterusnya akan menjadi Pemenang Hadiah Utama.
23. Setiap peserta hanya boleh memenangi 1 (satu) Hadiah Utama sepanjang Tempoh Peraduan.
24. Semua hadiah mesti dituntut daripada Penganjur dalam masa 1 (satu) bulan dari tarikh Hadiah Utama disediakan untuk kutipan. Semua hadiah yang tidak dituntut akan ditarik balik.

### **Liabiliti & Tanggungjawab**

25. Pemenang mesti mematuhi terma & syarat pihak yang mengatur dan/atau menyediakan hadiah. Penganjur berhak untuk menarik balik Hadiah mereka sekiranya Pemenang tidak mematuhi Terma & Syarat Peraduan dan Terma dan Syarat Hadiah.
26. Iklan Pengumuman Pemenang akan dipaparkan di laman web [www.100plus.com.my](http://www.100plus.com.my) atau [www.fnbm.com.my](http://www.fnbm.com.my).
27. Gambar Hadiah yang ditunjukkan pada borang penyertaan Peraduan adalah untuk tujuan gambaran sahaja. Hadiah sebenar mungkin berbeza. Hadiah tidak boleh dipindah milik dan tertakluk kepada Terma & Syarat Hadiah yang akan disertakan dengan hadiah dan dinyatakan dalam surat pengakuan pemenang. Nilai hadiah adalah betul pada masa pencetakan.
28. Pemenang dan warisnya hendaklah bertanggungjawab dan menanggung liabiliti sepenuhnya jika berlaku sebarang liabiliti, kejadian yang tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan [termasuk kehilangan nyawa] akibat mengambil bahagian dalam Peraduan, menuntut dan/atau menggunakan Hadiah dan bersetuju untuk melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur daripada sebarang liabiliti.
29. Semua kos pengangkutan, penginapan, kos peribadi dan/atau sebarang kos lain, yuran dan/atau perbelanjaan yang berkaitan untuk menyertai Peraduan dan menuntut Hadiah adalah tanggungjawab pemenang sepenuhnya.

### **Notis di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010**

30. Notis bertulis ("Notis") ini bertujuan untuk memaklumkan anda bahawa data peribadi anda diproses oleh atau bagi pihak F&N Beverages Marketing Sdn Bhd ("F&N" atau "kami"). Tambahan lagi, dengan mengemukakan borang Peraduan ini, anda dengan ini mengizinkan pemprosesan data peribadi anda oleh F&N dengan cara yang dinyatakan dalam Notis ini. Kami akan memproses data peribadi yang telah anda berikan kepada kami seperti nama, nombor kad pengenalan peribadi, nombor hubungan, alamat dan maklumat lain yang kami hendak dari anda dalam borang Peraduan ini. F&N akan memproses data peribadi anda, termasuk sebarang maklumat tambahan yang mungkin anda berikan kepada F&N, untuk tujuan mengendalikan peraduan dan menghubungi anda (jika perlu).
31. Data peribadi yang anda berikan kepada kami boleh didedahkan kepada penyedia perkhidmatan kami hanya untuk tujuan yang disebutkan di atas. Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa data peribadi yang anda berikan kepada kami adalah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan dan bahawa data peribadi tersebut dikemas kini. Anda boleh mengakses dan meminta pembetulan data peribadi anda atau menghadkan pemprosesan data peribadi anda, atau membuat pertanyaan atau aduan berkaitan data peribadi dengan menghantar e-mel ke penyedia perkhidmatan di [pdpa@omnitem.com.my](mailto:pdpa@omnitem.com.my). Sekiranya terdapat

ketidakteraturan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia. Notis ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan berbanding versi Bahasa Malaysia.

### **Hak Penganjur**

32. Penganjur berhak untuk menukar, membatalkan, menamatkan dan/atau menggantung Hadiah, tanpa perlu memberikan notis terlebih dahulu. Penganjur berhak atas budi bicara mutlak untuk menggantikan mana-mana Hadiah dengan barangan lain yang sama nilainya, pada bila-bila masa, tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu. Semua Hadiah dituntut dalam keadaan "sedia ada" dan tidak boleh ditukarkan dengan kredit atau barangan lain atau baucar sama ada secara sebahagiannya atau sepenuhnya.
33. Keputusan Penganjur dalam semua perkara berkaitan Hadiah adalah mutakhir, muktamad dan mengikat. Tiada surat-menyurat akan dilayan.
34. Penyertaan dalam Peraduan ini dan penerimaan sebarang Hadiah menandakan kebenaran yang tidak boleh dibatalkan (melainkan dimaklumkan sebaliknya oleh peserta) kepada Penganjur untuk menggunakan nama dan gambar peserta untuk tujuan publisiti dan pengiklanan tanpa sebarang pampasan mahupun perlu memberikan notis kepada peserta terlebih dahulu.
35. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya Hadiah hilang, rosak, cacat atau dicuri semasa dan selepas kutipan Hadiah. Semua peserta bersetuju secara tidak bersyarat untuk menanggung liabiliti penuh dan bertanggungjawab sepenuhnya setakat dibenarkan undang-undang sekiranya berlaku sebarang kerugian, kejadian tidak diingini, kecederaan, ganti rugi, tuntutan, atau kemalangan (termasuk kehilangan nyawa) yang dialami akibat daripada penyertaan mereka dalam Peraduan ini, penebusan dan atau penggunaan Hadiah.
36. Penganjur sama sekali tidak akan bertanggungjawab terhadap apa juga kesilapan percetakan yang tertera pada Bukti Pembelian yang diedarkan di pasaran.
37. Dengan menyertai Peraduan ini, peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma & Syarat ini dan menerima bahawa semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur adalah muktamad dan mengikat. Penganjur berhak untuk menukar, meminda, menambah atau menggugurkan mana-mana Terma & Syarat ini pada bila-bila masa tanpa memberi notis kepada peserta dan peserta hendaklah terikat kepada perubahan sedemikian.
38. Terma & Syarat ini disediakan dalam beberapa bahasa. Sekiranya terdapat percanggahan antara semua versi yang disediakan, versi Bahasa Inggeris Terma dan Syarat Peraduan yang boleh didapati di [www.fnbm.com.my](http://www.fnbm.com.my) akan digunakan.
39. Untuk pertanyaan lanjut mengenai Peraduan, sila hubungi Talian Khas di 03-7880 7803 (10 pagi – 5 petang, Isnin hingga Jumaat, kecuali cuti umum) atau kunjungi [www.fnbm.com.my](http://www.fnbm.com.my).